

NOTIS PRIVASI MAKLUMAT PERIBADI UNTUK KAKITANGAN DAN CALON

Adient plc (didaftarkan di Ireland, 25-28 North Wall Quay, IFSC, Dublin, 1), dan subsidiari dan syarikat gabungannya (secara kolektif, **Adient**, kita atau kami) mengambil berat tentang privasi anda dan komited untuk memproses maklumat peribadi anda mengikut amalan maklumat yang saksama dan undang-undang privasi data yang berkenaan.

Pengenalan

Sebagai tanda komitmen kami terhadap privasi, kami menggunakan Peraturan Korporat Mengikat (“BCR”). Ini mengandungi komitmen privasi global kami, termasuk dasar kami mengenai pemindahan maklumat peribadi dan hak privasi individu yang berkaitan, dengan tujuan memastikan maklumat peribadi anda dilindungi semasa diproses oleh syarikat gabungan kami. BCR ini telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Perlindungan Data Eropah.

Skop

Notis ini menjelaskan cara Adient mengendalikan maklumat peribadi kakitangan, pemohon, pelajar yang menjalankan latihan amali, bekas kakitangan, tanggungan, benefisiari, kontraktor, perunding dan kakitangan sementara agensi dalam menjalankan aktiviti sumber manusianya dan untuk tujuan yang dinyatakan dalam notis ini. Kami boleh meminda notis ini dari semasa ke semasa sekiranya terdapat keperluan untuk berbuat demikian. Notis ini juga boleh ditambah dengan kenyataan lain sebagaimana perlu untuk mematuhi keperluan tempatan di negara yang anda diami atau sekiranya wujud perjanjian perwakilan pekerja.

Pengumpulan dan Penggunaan Maklumat Peribadi

Kami boleh mengumpul maklumat peribadi anda untuk mentadbir hubungan pekerjaan atau kontrak kami dengan anda dan untuk tujuan yang dinyatakan di bawah. Kami boleh mengumpul maklumat peribadi, sama ada secara langsung daripada anda atau daripada pihak ketiga termasuk pangkalan data awam, platform media sosial atau syarikat pengambilan pekerja. Kami mungkin mengumpul, menggunakan dan memindahkan maklumat peribadi anda melalui sistem pemrosesan data automatik dan/atau yang berasaskan kertas. Kami telah mewujudkan fungsi pemrosesan rutin (seperti pemrosesan untuk bayaran gaji biasa dan pentadbiran manfaat). Kami juga memproses maklumat peribadi secara sekali-sekala atau atas dasar *ad hoc* (seperti apabila seseorang kakitangan itu sedang dipertimbangkan untuk jawatan baharu yang tertentu atau apabila terdapat perubahan kepada status perkahwinannya).

Kami boleh mengumpul jenis maklumat peribadi berikut:

- Maklumat pengenalan diri seperti nama anda, alamat rumah, tarikh lahir, jantina, fotograf berkaitan kerja dan nombor telefon rumah;
- Nombor pengenalan yang dikeluarkan oleh Kerajaan, seperti ID negara untuk tujuan pembayaran gaji;
- status Imigresen, hak bekerja dan mastautin;
- Butiran maklumat hubungan keluarga dan kecemasan;
- Maklumat berkaitan pekerjaan, seperti tahun perkhidmatan, lokasi pekerjaan, ID pekerjaan, rekod pekerjaan, ketakhadiran atas sebab bercuti dan data kontrak;
- Maklumat pendidikan dan latihan, seperti anugerah pendidikan anda, sijil dan lesen, rekod vokasional dan kehadiran dalam program latihan dalaman syarikat;
- Data perekrutan dan berkaitan prestasi, seperti objektif, penilaian, ulasan, hasil maklum balas, sejarah kerjaya, peralatan kerja, perancangan kerjaya dan penggantian, kemahiran dan kompetensi serta kelayakan lain berkaitan pekerjaan;
- Maklumat yang berkaitan dengan penggunaan aset Adient dan pentadbiran aktiviti pengendalian;
- Maklumat yang diperlukan untuk pengurusan kepatuhan dan risiko, seperti rekod disiplin, laporan siasatan latar belakang dan data keselamatan; dan

- Maklumat berkaitan gaji dan bayaran atau berkaitan manfaat, seperti maklumat gaji dan insurans, tanggungan, nombor pengenalan pasti kerajaan atau nombor cukai, butiran akaun bank dan maklumat manfaat berkaitan pekerjaan.

Tujuan Pemprosesan

Kami memproses maklumat peribadi untuk tujuan yang berikut:

- perancangan tenaga kerja, pengambilan kakitangan dan staf;
- pentadbiran tenaga kerja, daftar gaji, program pampasan dan faedah;
- pengurusan prestasi, pembelajaran dan pembangunan;
- kemajuan dan penggantian perancangan;
- pertahanan dan pematuhan undang-undang, termasuk pematuhan dengan permintaan pihak berkuasa kerajaan untuk maklumat, lien, pekarangan dan pematuhan cukai;
- pengurusan tempat kerja, seperti program perjalanan dan perbelanjaan dan program kesihatan dan keselamatan dalaman;
- pentadbiran aktiviti pengendalian, termasuk aktiviti berkaitan pengeluaran;
- pentadbiran sistem maklumat;
- pelaporan dalaman;
- audit;
- untuk melindungi Adient, tenaga kerja dan orang ramai daripada kecederaan, kecurian, liabiliti undang-undang, penipuan, penyalahgunaan, atau ancaman kepada keselamatan rangkaian, komunikasi, sistem, kemudahan dan infrastruktur kami; dan
- tujuan perniagaan dan perundangan yang lain.

Asas Undang-undang untuk Pemprosesan

Penggunaan maklumat peribadi ini adalah berdasarkan salah satu asas undang-undang yang berikut, yang berkenaan:

- keperluan memproses maklumat peribadi anda untuk pelaksanaan kontrak pekerjaan kami, atau mengambil langkah-langkah untuk menandatangani kontrak dengan anda;
- Kewajipan undang-undang Adient sebagai majikan;
- Kepentingan perniagaan yang sah Adient termasuk pentadbiran sumber manusia am, operasi perniagaan am, pendedahan untuk tujuan pengauditan dan pelaporan, penyiasatan dalaman, kewajipan kontrak dengan pihak ketiga, pengurusan rangkaian dan keselamatan sistem maklumat, dan perlindungan aset Adient; dan
- dalam beberapa keadaan tertentu dan terhad, persetujuan anda.

Maklumat Peribadi Sensitif

Selain itu, kami mungkin memproses maklumat peribadi sensitif sekiranya diperlukan untuk objektif perniagaan yang sah atau sekiranya diperlukan untuk mematuhi undang-undang yang boleh dikenakan. Maklumat peribadi yang sensitif tidak akan dikumpulkan, diproses atau dipindahkan melainkan mekanisme perlindungan privasi yang secukupnya telah dikuatkuasakan dan selepas menerima keizinan termaklum daripada anda terlebih dahulu, jika diperlukan oleh undang-undang.

Pendedahan dan Kategori Penerima

Kami mungkin mendedahkan maklumat peribadi anda untuk tujuan yang sah kepada:

- Entiti, usaha sama, subkontraktor, vendor atau pembekal Adient lain yang melaksanakan perkhidmatan bagi pihak kami untuk tujuan yang disebutkan sebelum ini;
- Organisasi yang baru dibentuk atau yang baru memperoleh, sekiranya Adient terlibat dalam penggabungan, penjualan atau pemindahan beberapa atau kesemua perniagaannya;
- Mana-mana penerima, jika kami diwajibkan untuk berbuat demikian, seperti atas perintah mahkamah atau undang-undang yang berkenaan;

- Mana-mana penerima, dengan keizinan anda, seperti untuk pengesahan pekerjaan atau pinjaman bank; atau
- Mana-mana penerima apabila perlu secara munasabah seperti sekiranya berlaku kecemasan yang mengancam nyawa.

Pemindahan Antarabangsa

Maklumat peribadi anda mungkin dipindahkan keluar dari negara tempat anda bekerja, termasuk ke negara yang tidak menyediakan tahap perlindungan yang sama untuk maklumat peribadi anda. Adient beriltizam untuk melindungi privasi dan kerahsiaan maklumat peribadi apabila ia dipindahkan.

Jika anda seorang pemastautin EEA, kami boleh memindahkan maklumat peribadi anda ke negara-negara yang belum diiktiraf Suruhanjaya Eropah untuk memberikan perlindungan yang mencukupi. Apabila pemindahan seperti itu berlaku, kami menjamin bahawa perlindungan yang secukupnya wujud sama ada melalui pengaturan kontrak yang berkenaan atau seperti yang diperlukan oleh undang-undang.

Adient telah menerima pakai satu set BCR yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Perlindungan Data Eropah yang berkenaan. BCR memastikan bahawa maklumat peribadi kakitangan yang dilindungi di EEA adalah dilindungi semasa sedang diproses oleh sekutu kami. Untuk melihat Peraturan Korporat Mengikat kami, sila rujuk pautan berikut: www.adient.com/dataprivacy.

Ketepatan

Kami mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk memastikan bahawa maklumat peribadi itu tepat, lengkap dan terkini. Sila ambil perhatian bahawa anda juga mempunyai tanggungjawab bersama berkaitan ketepatan maklumat peribadi anda. Sila maklumkan Sumber Manusia tentang apa-apa perubahan kepada maklumat peribadi anda atau maklumat benefisiari atau tanggungan anda.

Hak Maklumat Peribadi Anda

Capaian, Pembetulan dan Penghantaran. Anda boleh mencapai maklumat peribadi berkaitan diri anda yang terdapat pada fail dengan Adient. Anda juga berhak untuk meminta agar kami membetulkan maklumat peribadi yang tidak lengkap, tidak tepat atau lapuk. Setakat yang diperlukan oleh undang-undang yang berkenaan, anda juga boleh meminta kami menghantar maklumat peribadi yang telah anda berikan kepada kami, kepada anda atau syarikat lain.

Bantahan. Kami menghormati hak anda untuk membantah mana-mana penggunaan atau pendedahan maklumat peribadi anda yang bukan (i) diperlukan oleh undang-undang, (ii) perlu untuk memenuhi kewajipan berkontrak (kontrak pekerjaan anda), atau (iii) diperlukan untuk memenuhi keperluan sah Adient sebagai majikan (seperti pendedahan pentadbiran am untuk tujuan pengauditan dan pelaporan atau penyiasatan dalaman, pengurusan rangkaian dan keselamatan sistem maklumat, dan perlindungan aset Adient). Sekiranya anda menolak, kami akan bekerjasama dengan anda untuk mencari penyelesaian yang munasabah. Anda juga boleh menarik balik persetujuan anda pada bila-bila masa berhubung dengan pemprosesan maklumat peribadi oleh kami berdasarkan persetujuan anda.

Penghapusan. Anda boleh meminta penghapusan maklumat peribadi anda, seperti yang dibenarkan di bawah undang-undang yang berkenaan. Ini terpakai, misalnya, apabila maklumat anda telah lapuk; apabila pemprosesan adalah tidak diperlukan atau menyalahi undang-undang; apabila anda menarik balik persetujuan anda terhadap pemprosesan kami berdasarkan persetujuan tersebut; atau apabila kami tentukan bahawa kami harus mengambil tindakan atas bantahan yang telah anda kemukakan berkenaan pemprosesan kami. Dalam sesetengah keadaan, kami mungkin perlu menyimpan maklumat peribadi anda selaras dengan keperluan undang-undang atau bagi penubuhan, pelaksanaan atau pertahanan tuntutan undang-undang.

Sekatan pemprosesan. Begitu juga, dan jika diperuntukkan oleh undang-undang yang berkenaan, anda boleh meminta kami menyekat pemprosesan maklumat peribadi anda semasa kami memproses permintaan atau aduan anda berkaitan dengan (i) ketepatan maklumat peribadi anda, (ii) kepentingan sah kami untuk memproses maklumat ini, atau (iii) kesahihan aktiviti pemprosesan kami. Anda juga boleh meminta kami untuk menyekat pemprosesan maklumat peribadi anda jika anda ingin menggunakan maklumat peribadi itu bagi tujuan litigasi.

Anda boleh menggunakan hak ini secara percuma dengan menghubungi Pejabat Privasi kami seperti yang diuraikan di bawah. Walau bagaimanapun, Adient mungkin mengenakan bayaran yang munasabah atau enggan bertindak atas permintaan jika ia nyata tidak berasas atau berlebihan, khususnya atas sebab permintaan berulang. Dalam sesetengah keadaan, Adient boleh menolak untuk bertindak atau mungkin mengenakan batasan ke atas hak anda jika, misalnya, permintaan anda mungkin menjejaskan hak dan kebebasan Adient atau orang lain, menjejaskan pelaksanaan atau penguatkuasaan undang-undang, mengganggu tindakan litigasi yang belum selesai atau masa hadapan, atau melanggar undang-undang yang berkenaan. Dalam semua kes, anda mempunyai hak untuk memfailkan aduan dengan Pihak Berkuasa Perlindungan Data.

Keselamatan Maklumat

Adient mengambil langkah-langkah berjaga-jaga untuk melindungi maklumat peribadi anda daripada kehilangan, penyalahgunaan dan akses tanpa kebenaran, pendedahan, pemindaan dan pemusnahan. Kami telah mengambil langkah-langkah teknikal dan organisasi yang sewajarnya untuk melindungi sistem maklumat tempat maklumat peribadi anda disimpan, dan kami secara kontrak memerlukan pembekal dan pembekal khidmat kami melindungi maklumat peribadi anda.

Penyimpanan

Maklumat peribadi anda akan disimpan selagi perlu untuk mencapai tujuan ia dikumpulkan, yang biasanya selama tempoh sebarang hubungan kontrak dan selama mana-mana tempoh selepas itu sebagaimana dikehendaki oleh undang-undang atau dibenarkan oleh undang-undang yang berkenaan. Dasar pengekalannya kami mencerminkan tempoh had undang-undang dan keperluan undang-undang yang berkenaan.

Cara untuk menghubungi kami dan mendapatkan maklumat lanjut

Sekiranya anda mempunyai sebarang soalan tentang notis ini atau sekiranya anda percaya bahawa maklumat peribadi anda tidak dikendalikan menurut undang-undang yang berkenaan atau menurut notis ini, atau jika anda hendak menuntut hak anda, anda mempunyai beberapa pilihan:

- Rujuk [Portal Privasi](#) untuk mengenal pasti dan menghubungi orang hubungan tempatan bagi Privasi Data anda
- Hubungi Pejabat Privasi di ae-privacy@adient.com atau di

Adient Belgium BVBA
De Kleetlaan 7b,
1831 Diegem,
Belgium

- Bincangkan isu tersebut dengan penyelia anda atau penyelia yang lain atau pengurus
- Hubungi jabatan Sumber Manusia
- Anda juga boleh menghubungi Talian bantuan Integriti 24 jam Adient:
 - Memfailkan laporan dalam talian melalui Internet: adient.ethicspoint.com

- Memfailkan laporan melalui telefon: anda akan mendapati nombor telefon bebas tol disenaraikan untuk semua negara yang Adient berurus niaga di adient.ethicspoint.com. Jurubahasa boleh didapati dalam kebanyakan bahasa tempatan.

* * *